



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

27 JUN 2016/22 RAMADHAN 1437H (ISNIN)

PROGRAM MEMBELI BELAH PAKAIAN RAYA ANAK-ANAK YATIM BERSAMA YB MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PUTRAJAYA - Seramai tujuh puluh orang (70) orang anak-anak yatim daripada Rumah Rhaudatul Al Faez, Gombak dan Rumah Amal Al Firdaus, Denai Alam diraikan dalam Program Membeli Belah Pakaian Raya Anak-Anak Yatim Bersama YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini bertempat di Pusat Membeli Belah PARKSON, IOI City Mall di sini.

Program yang julung kalinya diadakan ini bertujuan untuk bersama-sama membantu golongan asnaf yang kurang bernasib baik untuk membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba. Ia juga bermatlamat mewujudkan kemesraan serta menyantuni anak-anak yatim yang telah kehilangan ibu dan ayah dalam menyambut hari lebaran nanti.

Pada program ini, setiap seorang anak yatim dibelikan pakaian raya berupa baju, seluar dan kasut. Jumlah keseluruhan peruntukan yang dibelanjakan bagi tujuan murni ini dianggarkan berjumlah RM20,000.

Program bermula seawal jam 10.30 pagi dengan ketibaan YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob diteruskan dengan aktiviti membeli-belah bersama anak-anak yatim. Program berakhir pada jam 12.30 tengah hari selepas pembayaran pembelian dan bersurai.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Tel: 03-8891 5942, Faks: 03-8888 2367
Emel: ukk@rurallink.gov.my**